

# Kerjasama majikan, pekerja mampu elak kemalangan

Majikan dan pekerja perlu saling bekerjasama bagi meningkatkan kesedaran menjaga keselamatan di tempat kerja kerana kemalangan bukan sahaja menjejaskan individu terbabit malah kepada seluruh organisasi.

Aspek pencegahan kemalangan di tempat kerja akan menjadi lebih berkesan jika majikan dan pekerja sedar tanggungjawab masing-masing, serta memahami kepentingan mempunyai budaya tempat kerja yang selamat serta sihat.

Semua pihak perlu bekerjasama meningkatkan usaha membendung sebarang kemalangan daripada berlaku di tempat kerja, namun ia tidak boleh dilaksanakan dalam tempoh yang singkat.

Pelbagai usaha perlu dilakukan. Pembabit setiap orang dalam tempat kerja, terutama majikan dan pekerja adalah penting bagi memastikan budaya keselamatan yang menyeluruh diamalkan.

## Tingkat kesedaran

Pelbagai usaha dilakukan kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan, bagi meningkatkan tahap kesedaran serta menghasilkan beberapa dasar mahupun prosedur bagi terus menjamin aspek keselamatan tempat kerja di sektor kerajaan mahupun swasta.

Antara yang paling drastik ialah memperkenalkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 (Akta 514) yang berkuat kuasa sejak tahun 1994.

Akta itu menumpukan kepada pembentukan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam negara. Ia menyediakan rangka perundangan bagi memupuk, merangsang dan menggalakkan mutu keselamatan serta kesihatan yang tinggi di tempat kerja, dengan meletakkan tanggungjawab memelihara keselamatan mahupun kesihatan pekerjaan kepada semua pihak yang berada di tempat kerja terbabit.

Tujuan utama akta itu diwujudkan ialah untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja, melindungi orang yang berada di tempat kerja selain daripada pekerja, menggalakkan persekitaran pekerjaan yang bersesuaian dengan fisiologi dan psikologi pekerja, mengadakan sistem perundangan yang berasas kepada peraturan dan amalan industri.

Secara ringkasnya, Akta 514 ini bertujuan menjamin keselamatan bukan sahaja kepada pekerja, tetapi juga kepada orang lain yang berada di tempat kerja.

Orang lain itu merujuk kepada pihak ketiga seperti tetamu atau sesiapa sahaja yang mempunyai urusan dengan organisasi tempat kerja terbabit.

Akta itu merangkumi dan melindungi semua orang yang bekerja dalam semua aktiviti ekonomi termasuk perkhidmatan awam, badan berkanun dan sektor swasta kecuali mereka yang bekerja di atas kapal perdagangan serta tentera.

Tanggungjawab bagi menjamin keselamatan di tempat kerja jelas termaktub dalam peruntukkan Akta 514 terbabit. Seksyen 15 (1) & (2) akta terbabit memperuntukkan kewajipan kepada setiap majikan serta orang yang bekerja sendiri untuk memastikan setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya.

Kewajipan lain yang diperuntukkan juga ialah memastikan majikan dan orang yang bekerja sendiri menyediakan satu Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, memastikan orang lain selain daripada pekerjanya tidak terdedah kepada bahaya yang dihasilkan daripada aktiviti yang dijalankan oleh beliau, serta memberitahu orang lain tentang aktiviti yang dijalkannya, dan memberi maklumat kepada orang lain berkenaan dengan aspek cara pengusahaannya yang boleh menyentuh keselamatan mahupun kesihatan orang lain.

Semua ini jelas termaktub di bawah Seksyen 16, 17 dan 18 akta terbabit. Kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan itu boleh menyebabkan majikan didenda RM50,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya.

## Keselamatan tempat kerja

Tugas menjaga aspek keselamatan dan kesejahteraan di tempat kerja bukan sahaja terletak di bahu majikan, tetapi juga pekerja. Ia termaktub dalam seksyen 24(1) akta sama yang menjadikan kewajipan kepada setiap pekerja untuk memberikan perhatian yang munasabah aspek keselamatan dan kesihatan dirinya serta orang lain yang mungkin terjejas oleh tindakan atau peninggalannya semasa bekerja.

Pekerja juga wajib bekerjasama dengan majikan dalam menunaikan kehendak yang dikenakan ke atas majikan di bawah akta terbabit, serta segala peraturan memakai atau menggunakan pada sepanjang masa apa-apa kelengkapan atau pakaian perlindungan yang disediakan.



## Penulis

ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia



ENIRI  
MIR

ncana@bh.com.my



DR MUZAFFAR  
SYAH  
MALLOW

ncana@bh.com.my